



23 FEB, 2026

Subuh duka di Kepala Batas

Sinar Harian, Malaysia



Subuh duka di Kepala Batas

Empat kediaman musnah, 21 penghuni hilang tempat tinggal

Oleh SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

KEPALA BATAS - Seramai 21 penghuni hilang tempat tinggal selepas empat rumah musnah dalam kebakaran di Permatang Kerai Besar di sini awal pagi Ahad.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pulau Pinang, John Sagun Francis berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 5.06 pagi sebelum jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kepala Batas tiba di lokasi sembilan minit kemudian.

Menurutnya, kebakaran mem-babitkan sebuah rumah yang di-



FOTO JBPM

Salah sebuah rumah yang musnah dalam kebakaran di Permatang Kerai Besar pada awal pagi Ahad.



Anggota bomba memadamkan api di lokasi kejadian.

huni seorang lelaki dan dua wanita dewasa; rumah kedua dihuni dua lelaki dan tiga wanita; rumah ketiga dihuni tiga lelaki dan empat wanita; manakala rumah keempat dihuni empat lelaki dan dua wanita.

"Kebakaran turut memusnahkan dua kenderaan iaitu Proton Exora dan Ford Ranger serta lima motosikal. Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

"Api merebak dengan cepat ke rumah bersebelahan berikutan jarak kediaman yang terlalu ham-

pir," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Operasi pemadaman turut dibantu BBP Butterworth, BBP Tasek Gelugor dan BBP Sungai Bakap dengan kekuatan keseluruhan 27 anggota termasuk penyelia.

Katanya, tekanan air rendah di lokasi kejadian antara cabaran sepanjang operasi.

"Turut membantu di lokasi ialah Polis Diraja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Tenaga Nasional Berhad,

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang dan beberapa pasukan bomba sukarela termasuk Sungai Puyu, Bagan Ajam, Kepala Batas serta Pematang Tinggi.

"Pusat Sehentil Pasca Insiden JBPM juga turut hadir memberi khidmat nasihat dan mengambil maklumat pemilik rumah bagi memudah cara urusan selanjutnya mengikut keperluan semasa," katanya.

Operasi pemadaman ditamatkan pada jam 9.32 pagi.